



**IKLAN PENGAMBILAN
PERSONEL DI BAWAH *MALAYSIA SHORT TERM EMPLOYMENT
PROGRAMME (MYSTEP) 2023*
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi **satu (1) jawatan kontrak** di bawah *Short Term Employment Programme (MySTEP)* bagi tahun 2023 seperti berikut:

Jawatan	:	Pereka Grafik (Personel MySTEP)
Gaji	:	RM1,900/ bulan
Tempoh Lantikan	:	Sehingga 31 Disember 2023
Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO
Penempatan	:	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Ibu Pejabat, Putrajaya

SYARAT KELAYAKAN

Memiliki kelayakan **Diploma** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh Kerajaan dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

KRITERIA TAMBAHAN

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:

- a) Berkemahiran dalam pertuturan, penterjemahan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- b) Berkemahiran dalam aplikasi Microsoft Office, Excel, Power Point dan Media sosial.
- c) Mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam penggunaan perisian (software skills) grafik dan multimedia.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Membantu mengurus hantaran di platform media sosial Jabatan iaitu Facebook, Youtube, Instagram dan Tik Tok mengenai program dan aktiviti Jabatan;
- b) Menyediakan penerbitan videografik/video/kapsul berkenaan program dan aktiviti Jabatan sebagai kandungan di media sosial rasmi Jabatan;
- c) Membantu tugas media sosial merangkumi tugas pengambilan, suntingan dan penerbitan video program/aktiviti Jabatan; dan
- d) Membantu kerja-kerja pengemaskinian laman web Jabatan.
- e) Membantu kerja-kerja promosi dan publisiti Jabatan;
- f) Membantu tugas perkeranian dan pentadbiran am

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (tidak akan dikembalikan):
 - a) Resume (turut dinyatakan maklumat untuk dihubungi) beserta gambar terkini berwarna bersaiz pasport;
 - b) Salinan sijil Diploma, SPM serta sijil lain yang berkaitan;
 - c) Salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui emel ke **unit_upo@perpaduan.gov.my** dengan catatan **Permohonan Personel MySTEP – Jawatan Pereka Grafik**.

**Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga.
Calon yang tidak dipanggil dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup
iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 OGOS 2023 (JUMAAT)